



09 MAY, 2026

Deklarasi KL perlu jadi asas kukuh ekonomi, kestabilan

Berita Harian, Malaysia



Deklarasi KL perlu jadi asas kukuh ekonomi, kestabilan

Cebu: Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, Deklarasi Kuala Lumpur yang diterima pakai tahun lalu perlu dijadikan asas utama ke arah memperkukuh daya tahan ekonomi, keselamatan tenaga dan kestabilan rantaian bekalan serantau ketika dunia berdepan ketidakpastian geopolitik.

Tegas Perdana Menteri, ASEAN perlu memanfaatkan momentum deklarasi itu yang menggariskan komitmen bersama terhadap autonomi strategik, daya tahan ekonomi dan pertumbuhan mampan.

Berucap pada Sidang Kemuncak ASEAN Ke-48 (Plenari) di sini semalam, beliau berkata, deklarasi berkenaan turut mengiktiraf keselamatan tenaga, daya tahan makanan, kestabilan rantaian bekalan dan hubungan serantau lebih kukuh yang menjadi keutamaan strategik ASEAN.

"Kita perlu membina momen

tum Deklarasi Kuala Lumpur yang diterima pakai tahun lalu, yang menegaskan semula komitmen bersama terhadap autonomi strategik, daya tahan ekonomi dan pertumbuhan mampan.

"Deklarasi itu mengiktiraf bahawa keselamatan tenaga, daya tahan makanan, kestabilan rantaian bekalan dan hubungan serantau yang lebih kukuh kini menjadi keutamaan strategik, bukan sekadar isu sektoral," katanya.

Anwar berkata, ASEAN perlu mengekalkan kepusatan blok serantau melalui kerjasama praktikal supaya rantau Asia Tenggara kekal terbuka, inklusif dan berdaya tahan ketika dunia berdepan perpecahan geopolitik yang semakin ketara.

Malaysia juga, katanya, menyokong usaha mempercepat pelaksanaan Rangka Kerja Perjanjian Keselamatan Petroleum ASEAN (APSA) bagi memperkukuh per-

indungan keselamatan tenaga serantau ketika pengeluaran minyak dan gas domestik di rantau ini makin berkurangan.

"Kita perlu mempelbagaikan sumber bahan api fosil dan mengurangkan ketergantungan berlebihan kepada rantaian bekalan yang mudah terjejas.

"Kita harus mengakui kerjasama strategik dengan rakan kongsi yang dipercayai dan kumpulan serantau mampu memperkukuh keselamatan tenaga jangka panjang ASEAN," katanya.

Perdana Menteri meminta negara anggota ASEAN memanfaatkan kerjasama dengan Majlis Kerjasama Teluk (GCC), termasuk jaringan lebih luas ASEAN-GCC-China bagi membina sistem tenaga yang lebih kukuh dan berdaya tahan.

Pada masa sama, katanya, Grid Kuasa ASEAN (APG) kekal menjadi elemen penting dalam peralihan tenaga dan keselamatan

tenaga jangka panjang, sekaligus memerlukan pelaburan lebih besar bagi mempercepat kesalinghubungan rentas sempadan serta pertumbuhan rendah karbon.

Anwar turut mencadangkan ASEAN mewujudkan pelan keterjaminan makanan serantau sebagai langkah persediaan menghadapi krisis global yang boleh menjejaskan bekalan makanan dan kestabilan harga di rantau ini.

Katanya, menteri berkaitan ASEAN perlu meneroka mekanisme simpanan makanan serantau ketika krisis bagi memastikan penyaluran dan tindak balas kecemasan dapat dilaksanakan dengan lebih pantas.

"Sekiranya gangguan global berpanjangan, ASEAN berdepan risiko pengurangan hasil pengeluaran makanan serta inflasi makanan yang berterusan sehingga tahun hadapan.

"Keselamatan makanan perlu

dianggap sebagai keutamaan strategik serantau.

"ASEAN juga perlu memperkukuh mekanisme Rizab Beras Kecemasan ASEAN+3 (APTERR) dan mempertimbangkan peluasan kerjasama melangkaui simpanan beras termasuk aspek keselamatan baja," katanya.

Anwar berkata, konflik yang semakin memuncak di Asia Barat turut mengingatkan ASEAN mengenai tanggungjawab bersama melindungi rakyat rantau ini yang berada di kawasan terjejas.

"Jutaan rakyat kita tinggal dan bekerja di seluruh Asia Barat, dan keselamatan mereka mesti terus menjadi keprihatinan bersama.

"Daripada pekerja migran dan pelaut, hingga kepada anggota pengaman serta pelajar, risiko yang berpunca daripada ketidakstabilan serantau menuntut penyaluran yang lebih kukuh dalam kalangan kita," katanya.